

1976

KUALA LUMPUR, 5 JAN. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGUMUMKAN SATU RANCANGAN BARU PERKHIDMATAN TV PENDIDIKAN UNTUK TINGKATAN VI ALIRAN SAINS BAGI SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN AKAN DIADAKAN TAHUN INI.

BERUCAP MELANCARKAN MINGGU PENGENALAN TV PENDIDIKAN MULAI HARI INI HINGGA KHAMIS INI, BELIAU MENAMBAH RANCANGAN-RANCANGAN YANG DISIARKAN ADALAH DIPILIH OLEH SATU JAWATANKUASA PENASIHAT, DENGAN DIPENGERUSIKAN OLEH KETUA PENGARAH PELAJARAN

YANG TERDIRI DARIPADA PEGAWAI-PEGAWAI KANAN KEMENTERIAN PELAJARAN. BELIAU MENAMBAH, KEUTAMAAN RANCANGAN TERSEBUT ADALAH DITUMPUKAN KEPADA PELAJARAN SAINS DAN HISAB, BAHASA MALAYSIA DAN BAHASA INGGERIS DAN JUGA SIBIK, TATARAKYAT SERTA ILMU PERDAGANGAN.

PERKHIDMATAN TV PENDIDIKAN YANG TELAH DILANCARKAN DINEGARA INI OLEH PERDANA MENTERI, TUN ABDUL RAZAK PADA 19 JUN TAHUN 1972 YANG BERMULA DENGAN CUMA ENAM SIRI UNTUK TINGKATAN SATU TELAH BERKEMBANG DENGAN PESAT SEKALI DARI SETAHUN KESETAHUN.

SEKARANG IA MENYIARKAN LEBIH DARIPADA 30 SIRI KEPADA MURID-MURID DARI DARJAH TIGA DI SEKOLAH RENDAH HINGGA KE TINGKATAN TIGA SEKOLAH MENENGAH. -BERNAMA 1315/LK

529
MAHATHIR-TV 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR MENERANGKAN, SUNGGUHPUN TERDAPAT BEBERAPA MASALLAH DAN KESULITAN, USAHA YANG BERSUNGGUH TELAH DIBUAT UNTUK MENENTUKAN SUPAYA MUTU PENGELUARAN RANCANGAN ITU ADALAH BAIK DAN TINGGI.

BELIAU MERASA BANGGA BAHAWA RANCANGAN TV PENDIDIKAN PERNAH MEMENANGI HADIAH KHAS, DUA KALI BERTURUT-TURUT, IAITU PADA TAHUN 1973 DAN 1974, DI DALAM PERTANDINGAN JAPAN PRIZE, SATU PERTANDINGAN SIARAN PENDIDIKAN ANTARABANGSA YANG DIADAKAN TIAP-TIAP TAHUN DI JEPUN.

DI SAMPING ITU, PELAWAT-PELAWAT SEBARAN PENDIDIKAN DAN NEGARA-NEGARA ASING JUGA MEMUJI TENTANG PERKHIDMATAN TV PENDIDIKAN DAN RANCANGAN-RANCANGAN YANG DIKELUARKAN.

WALAU PUN BEGITU, TEGASNYA, RANCANGAN TV PENDIDIKAN YANG BERMUTU TINGGI SAHAJA TIDAK AKAN BERFAEDAH JIKA SEKIRANYA RANCANGAN ITU TIDAK DIGUNAKAN DENGAN BERKESAN DI SEKOLAH-SEKOLAH.

PEMAKAIAN MEDIA MESTILAH MENJADI SEBAHAGIAN YANG DIPADUKAN KEDALAM PENGAJARAN SEHARI-HARI, IAITU IANYA HENDAKLAH DISERAPKAN KEDALAM SEGALA AKTIVITI PEMBELAJARAN DI SEKOLAH. PENDEK KATA, GURU TV PENDIDIKAN DENGAN GURU DI KELAS MESTI LAH BERKERJASAMA SEBAGAI SATU PASUKAN.

BELIAU BERHARAP PENDAPAT YANG DISUARAKAN OLEH BEBERAPA ORANG GURU BAHAWA TV PENDIDIKAN TIDAK BERFAEDAH DAPAT DISINGKIRKAN TERUS.

BELIAU MENYATAKAN KESALNYA TERHADAP BEBERAPA BUAH SEKOLAH YANG MASIH BELUM MENGGUNAKAN MEDIA INI DENGAN SEPENUHNYA. --BERSAMBUNG 1323/LK

8